

Pelaporan Bersepadu Menurut Perspektif Pihak Berkepentingan Badan Berkanun Persekutuan Malaysia: Cadangan Item Pendedahan

(Integrated Reporting from the Malaysian Federal Statutory Bodies' Stakeholder Perspective: A Proposed Disclosure Item)

Mona Othman
Azlina Ahmad
Norida Basnan
Mohd Fairuz Md Salleh
(Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia)

ABSTRAK

Pelaporan bersepadu telah diiktiraf sebagai mekanisme pelaporan yang lebih baik yang memenuhi keperluan pihak berkepentingan, termasuklah juga di sektor awam. Kajian lepas yang mengkaji kandungan item pendedahan laporan bersepadu bagi sektor awam secara umumnya dilaksanakan dalam konteks negara maju dan tidak mengambil kira pandangan serta keperluan pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor awam secara menyeluruh. Memfokuskan kepada sektor awam, kajian ini telah mengenal pasti item pendedahan yang relevan untuk pelaporan bersepadu dan mengkaji tahap kepentingannya dari perspektif pihak berkepentingan dalam konteks Badan Berkanun Persekutuan Malaysia. Pembangunan item pendedahan terdiri daripada empat langkah: pengenalanpastian item pendedahan, pemilihan peserta, maklum balas daripada pihak berkepentingan terpilih dan pengesahan muktamad item pendedahan oleh pihak pengesah. Dua puluh satu (21) peserta kajian telah bersetuju bahawa sebanyak 75 item adalah relevan untuk dilaporkan. Selain itu, dapatan analisis ujian Mann-Whitney U menunjukkan tiada perbezaan pendapat yang ketara antara pihak berkepentingan dalaman dan luaran. Kajian ini menyumbang kepada literatur mengenai cadangan item pendedahan laporan bersepadu berdasarkan perspektif pihak berkepentingan awam. Ia juga boleh dijadikan panduan kepada penggubal polisi untuk meminda peraturan pelaporan sedia ada tentang ketetapan maklumat kandungan pelaporan serta membantu pihak berautoriti melaksanakan mekanisme pemantauan terhadap pelaporan entiti awam.

Kata kunci: Pelaporan bersepadu; item pendedahan; perspektif pihak berkepentingan; Badan Berkanun Persekutuan Malaysia

ABSTRACT

Integrated reporting has been acknowledged as a greater reporting mechanism that responds to the needs of stakeholders, including those in the public sector. Previous studies on the content of disclosure items in integrated reporting for the public sector were mainly carried out in the context of developed countries and did not consider the views and needs of various stakeholder groups in the public sector as a whole. Focusing on the public sector, the current study identified relevant disclosure items for the integrated reporting and examined the level of importance of these disclosure items to the stakeholders within the context of Malaysian Federal Statutory Bodies. The development of disclosure items consisted of four steps: identification of disclosure items, selection of participants, feedback from selected stakeholders, and final validation of disclosure items by experts. Twenty-one (21) participants in this study agreed on the inclusion of 75 items as relevant disclosure items. Furthermore, the results of Mann-Whitney U test analysis revealed no significant differences between the internal and external stakeholder groups. This study contributes to the literature on the proposed integrated report disclosure items based on the perspective of public stakeholders. It can also be used to guide policymakers in revising existing reporting rules concerning the reporting content information, as well as assisting authorities in implementing monitoring mechanisms for public entity reporting.

Keywords: Integrated reporting; disclosure items; stakeholder perspectives; Malaysian Federal Statutory Bodies

Received 31 May 2022; Accepted 30 September 2022

PENGENALAN

Keupayaan pelaporan sedia ada atau tradisional telah dipersoalkan, lantaran maklumat yang didedahkan adalah terhad dan tidak mencukupi (Manes-Rossi 2018; Nistor et al. 2019). Pelaporan bersepadu diiktiraf sebagai

satu pelaporan komprehensif yang boleh dijadikan mekanisme pelaporan yang lebih baik (Katsikas et al. 2017; Manes-Rossi 2018; Oprisor et al. 2016). Bagi membantu penyediaan pelaporan bersepadu, *The International Integrated Reporting Council (IIRC)* telah mengeluarkan Kerangka Kerja Pelaporan Bersepadu

pada tahun 2013 untuk diaplikasikan dalam sektor swasta (IIRC 2013; 2021). Oprisor et. al (2016) dan CIMA (2019) menjelaskan Kerangka tersebut boleh diadaptasi dalam konteks sektor awam, namun perlu disesuaikan (Bartocci & Picciaia 2013; Cohen & Karatzimas 2015; Mona Othman & Norida Basnan 2021; Mona Othman et al. 2022) mengambilkira perbezaan yang wujud antara kedua-dua sektor tersebut (Guthrie et al. 2017).

Beberapa kajian lepas telah mengkaji kandungan item pendedahan laporan bersepadu bagi sektor awam, namun hanya dilihat dalam konteks negara maju (misalnya Nistor et al. 2019; Manes- Rossi 2018) serta belum mengambil kira pandangan dan keperluan pelbagai kumpulan pihak berkepentingan sektor awam secara menyeluruh (misalnya Farneti et al. 2019). Cadangan pembentukan item pendedahan laporan tersebut untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan yang pelbagai adalah merupakan satu aspek kritikal selaras dengan pandangan teori pihak berkepentingan. Setakat ini, belum ada kajian lepas yang telah mencadangkan item pendedahan laporan bersepadu berdasarkan perspektif pelbagai kumpulan pihak berkepentingan, khususnya dalam konteks sektor awam negara membangun. Kajian ini memberi tumpuan kepada Malaysia, sebuah negara membangun di benua Asia khususnya dalam konteks Badan Berkanun Persekutuan (BBP). BBP merupakan sebuah entiti di bawah Kerajaan Persekutuan Malaysia yang ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Parlimen untuk melaksanakan polisi Kerajaan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan (Akta 240 1980; Perbendaharaan 2021). BBP menyumbang impak yang substantial terhadap ekonomi negara. Sebagai contoh pada tahun 2017, jumlah pendapatan bagi 114 daripada 136 BBP (83.8%) yang telah mengemukakan penyata kewangan teraudit adalah berjumlah RM124.4 bilion (9.2%) daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (Jabatan Perangkaan Malaysia 2018).

Kajian lepas menjelaskan prestasi pelaksanaan laporan bersepadu adalah berbeza antara negara (Manes-Rossi 2018), memandangkan pendedahan sesuatu pelaporan lazimnya didasarkan kepada ciri-ciri khusus sesebuah negara (Cohen & Karatzimas 2015). Pemilihan Malaysia dalam konteks kajian ini adalah berdasarkan justifikasi bahawa ia merupakan sebuah negara yang semakin pesat pembangunannya tetapi pada masa yang sama berdepan dengan isu pelaporan awam yang terhad dan tidak mencukupi, memandangkan maklumat kewangan dan bukan kewangan tidak dilaporkan secara menyeluruh (Nur Barizah Abu Bakar 2013; Teruki 2021). Seperti kebanyakan negara lain di dunia, memperkukuh pelaporan kepada pihak awam adalah menjadi keutamaan Kerajaan Malaysia. Usaha memperkukuh pelaporan tersebut merupakan sebahagian daripada strategi bagi menzahirkan perkhidmatan awam yang lebih berkesan (Jabatan Perdana Menteri 2021).

Dalam konteks BBP, pendedahan maklumat dalam pelaporan sedia ada kepada pihak awam telah menimbulkan persoalan hingga memerlukan entiti

berkenaan memberikan penjelasan tambahan, misalnya melalui Kertas Rasionalisasi Lembaga Tabung Haji 2019 dan Kertas Putih Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan 2019 (LTH 2019; FELDA 2019). Hal ini dikaitkan dengan pendedahan maklumat yang terhad dan belum mencukupi (Nur Barizah Abu Bakar 2013; The Edge Financial Daily 2017). Setakat ini, ketetapan mandatori bagi penyediaan laporan kewangan dan bukan kewangan awam hanya dikuatkuasakan terhadap BBP melalui Pekeliling Perbendaharaan PA3.2 2021 (Perbendaharaan 2021). Sungguhpun demikian, pekeliling berkenaan hanya memperuntukkan keperluan minimum pendedahan. Sehingga kini, belum terdapat mana-mana undang-undang atau peraturan di Malaysia yang memerlukan penyediaan satu laporan komprehensif yang menggabungkan pelbagai aspek maklumat pendedahan. Menyentuh tentang isu pelaporan yang melibatkan BBP (LTH dan FELDA) seperti yang dinyatakan di atas, lanjutan daripada tuntutan pihak berkepentingan awam yang memerlukan penjelasan tambahan yang lebih menyeluruh, Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan kos yang tinggi bagi menyediakan laporan tambahan yang lebih komprehensif kepada pihak awam untuk dibentangkan di Parlimen (LTH 2019; FELDA 2019).

Menurut Nur Barizah Abu Bakar dan Zakiah Saleh (2016) sebagai entiti awam yang penting di Malaysia, BBP seharusnya menyediakan satu bentuk pelaporan yang memenuhi keperluan pelbagai pihak berkepentingan dalaman dan luaran. Pandangan ini selari dengan pendapat Manes-Rossi (2018) dan Farneti et al. (2019). Kajian ini menyahut cadangan Cohen dan Karatzimas (2015) dan Nicolo et al. (2020) supaya laporan bersepadu sektor awam disesuaikan daripada kerangka kerja laporan bersepadu sektor swasta dengan mengambil kira keperluan pihak berkepentingan sektor awam. Bagi tujuan ini, kerangka bersepadu yang diterbitkan oleh IIRC telah dijadikan sebagai panduan dalam mencadangkan pelaporan yang diperlukan. Cadangan item maklumat yang perlu didedahkan dalam pelaporan bersepadu BBP menurut perspektif pihak berkepentingan yang dikemukakan dalam kajian ini boleh menjadi panduan kepada penggubal polisi serta pihak berautoriti untuk bertindak secara proaktif dalam penyediaan laporan bersepadu, khususnya menurut landskap negara membangun. Secara spesifik, persoalan utama yang dijawab dalam kajian ini adalah (1) Apakah maklumat yang dianggap relevan oleh pihak berkepentingan yang perlu didedahkan dalam pelaporan bersepadu BBP? dan (2) Menurut perspektif pihak berkepentingan, sejauh manakah pentingnya setiap item maklumat tersebut didedahkan dalam pelaporan bersepadu BBP? Cadangan item maklumat laporan bersepadu telah mendapat liputan pengkaji lepas, namun setakat ini belum ada kajian yang melibatkan pandangan pelbagai pihak berkepentingan sektor awam tentang maklumat relevan yang diperlukan mengikut tahap kepentingannya. Justeru, hasil kajian ini dapat menyumbang pengetahuan tentang maklumat pendedahan yang benar-benar diperlukan dalam

laporan tersebut berdasarkan perspektif pelbagai pihak berkepentingan sektor awam.

Kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian utama. Bahagian Pengenalan ini disusuli dengan Sorotan Literatur yang menjadi asas kepada kajian ini. Metodologi, Hasil Kajian dan Perbincangan masing-masing dilaporkan dalam Bahagian 3, Bahagian 4 dan Bahagian 5. Kajian ini diakhiri dengan Implikasi Teori, Implikasi Praktikal dan Kesimpulan yang menjelaskan implikasi, rumusan dan cadangan untuk penyelidikan lanjutan.

SOROTAN LITERATUR

Seksyen ini membincangkan tentang teori yang mendasari kajian iaitu Teori Pihak Berkepentingan dan kemudian diikuti dengan perbincangan kajian lepas tentang pihak berkepentingan entiti sektor awam khususnya badan berkanun dan keperluan mereka terhadap maklumat yang perlu didedahkan. Selanjutnya, perbincangan menjurus pula kepada kajian lepas tentang keperluan terhadap pelaporan bersepadu yang menjadi fokus dalam kajian ini.

TEORI PIHAK BERKEPENTINGAN

Teori pihak berkepentingan yang diasaskan oleh Robert Edward Freeman menjelaskan bahawa organisasi bukan sahaja perlu memberi perhatian terhadap pemegang saham tetapi juga persekitaran yang mana ia berfungsi termasuklah pihak lain yang mempunyai kepentingan. Organisasi dianggap sebagai sebahagian daripada sistem yang mana ia dapat memberi impak dan boleh dipengaruhi oleh pelbagai pihak lain atau kumpulan pihak berkepentingan (Freeman 1984). Donaldson dan Preston (1995) berpendapat bahawa teori ini mempunyai tiga cabang iaitu normatif, instrumental dan pengurusan. Teori pihak berkepentingan normatif memberi tumpuan kepada asas moral untuk membimbing organisasi. Cabang instrumental pula memfokuskan kepada kesan pengurusan pihak berkepentingan terhadap pencapaian objektif organisasi. Teori pihak berkepentingan pengurusan pula memberi tumpuan dalam mengenal pasti pihak berkepentingan serta mengurus perhubungan pihak tersebut.

Dengan mengaplikasikan teori pihak berkepentingan normatif, keperluan semua pihak berkepentingan harus diberi perhatian oleh organisasi. Cabang normatif mencadangkan bahawa kuasa adalah tidak relevan, kerana semua pihak berkepentingan harus dilayan secara saksama. Oleh itu, pengurusan organisasi mempunyai tanggungjawab bukan sahaja terhadap pihak berkepentingan yang dominan atau berkuasa, tetapi juga terhadap semua pihak berkepentingan yang lain (Hasnas 1998; Freeman 2010). Pihak pengurusan perlu memberikan pertimbangan saksama kepada keperluan semua pihak berkepentingan dan bijak mengimbangi

tuntutan pihak berkenaan sekiranya berlaku percanggahan dalam kalangan mereka (Hasnas 1998; Freeman 2010).

PIHAK BERKEPENTINGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN

Berdasarkan kajian lepas (Nur Barizah 2013; Taylor 2006; Lapsley 1992), pihak berkepentingan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu (1) pihak berkepentingan dalaman (yang terdiri daripada kakitangan; pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah), (2) pihak berkepentingan luaran yang mempunyai akses langsung kepada pelaporan (yang terdiri daripada pembuat dasar serta pihak berautoriti) dan (3) pihak berkepentingan yang tidak mempunyai akses langsung terhadap pelaporan (misalnya orang awam sebagai pelanggan dan/pembayar cukai, Badan Bukan Kerajaan dan media). Pengklasifikasian ini selari dengan takrifan pihak berkepentingan yang dijelaskan dalam konteks perkhidmatan awam di Malaysia itu sendiri sebagaimana ketetapan Kerajaan (Surat Arahan KSN 2007).

Memandangkan pihak berkepentingan awam terdiri daripada pelbagai lapisan kelompok yang lebih luas, keperluan maklumat yang dijangkakan daripada pihak berkepentingan tersebut juga adalah pelbagai (Ryan et al. 2002). Tuntutan pihak berkepentingan terhadap pendedahan maklumat yang lebih komprehensif adalah selari dengan tanggungjawab entiti awam untuk mendedahkan maklumat yang benar-benar memenuhi keperluan pihak berkepentingannya (Oprisor et al. 2016). Pendapat tersebut turut disokong oleh Nistor et al. (2019) dan Nur Barizah Abu Bakar dan Zakiah Saleh (2016). Aspek ini dilihat sangat penting bagi sektor awam, yang mana sesuatu organisasi akan mengalami kesukaran untuk bertahan (selaras prinsip usaha berterusan) tanpa sokongan berterusan pihak berkepentingannya (Stefanescu et al. 2016).

KEPERLUAN TERHADAP PELAPORAN BERSEPADU

Spektrum pihak berkepentingan awam yang lebih luas tersebut menuntut kepada ketelusan pelaporan dan tahap pendedahan yang lebih tinggi berdasarkan keperluan pelbagai pihak berkepentingannya (Bartocci & Picciaia 2013). Menurut Cohen dan Karatzimas (2015), perkara tersebut berupaya ditangani melalui laporan bersepadu. Laporan bersepadu dianggap sebagai mekanisme penting bagi mendapatkan kesahan awam dan untuk menghindari perspektif negatif dari kelompok masyarakat tertentu. Pembangunan laporan bersepadu dapat dilihat sebagai kesan tindak balas organisasi terhadap pelbagai tekanan pihak berkepentingan yang memerlukan pelaporan yang lebih holistik dan telus (Montecalvo et al. 2018).

Sebagai panduan untuk menyediakan kandungan laporan bersepadu, IIRC telah menetapkan elemen kandungan pelaporan (IIRC 2013; 2021), misalnya Latar belakang Organisasi dan Persekitaran Luaran;

Tadbir Urus; Risiko dan Peluang; Strategi dan Agihan Sumber; Model Operasi; Prestasi; Jangkaan Hadapan serta Asas Penyediaan dan Persembahan. Sungguhpun demikian, elemen kandungan yang menentukan bentuk maklumat dan kaedah pelaporannya dalam konteks sektor awam perlu mengandungi ciri-ciri khusus iaitu: 1) relevan dengan domain awam; 2) mempunyai model operasi yang jelas, 3) maklumat boleh diukur, serta 4) mempunyai keupayaan untuk menjelaskan risiko (Mona Othman et al. 2022). Perkara tersebut selari dengan pandangan beberapa pengkaji lepas mengenai keperluan penyesuaian elemen kandungan dalam konteks sektor awam, misalnya definisi model operasi yang lebih komprehensif perlu dipertimbangkan (Veltri & Silvestri 2015); maklumat perlu disokong dengan penunjuk kuantitatif yang boleh diukur (Bartocci & Picciaia 2013; Katsikas et al. 2017) serta analisis terperinci mengenai peluang dan risiko perlu mempertimbangkan sensitiviti pada tahap yang munasabah (Veltri & Silvestri 2015). Tambahan lagi, pendedahan dalam laporan bersepadu awam perlu mengandungi maklumat yang relevan dan mencukupi mengenai penilaian prestasi, latar belakang dan persekitarannya serta didukung oleh struktur tadbir urus yang utuh (Katsikas et al. 2017).

Kajian lepas telah mengkaji kandungan item pendedahan bagi sektor awam (misalnya Hassan et al. 2019; Nicolo et al. 2020; Mauro et al. 2020; Manes Rossi et al. 2020). Namun begitu, kajian berkenaan belum mengambil kira pandangan dan keperluan pelbagai kumpulan pihak berkepentingan sektor awam. Sedangkan dalam sektor awam memenuhi keperluan pihak berkepentingan adalah penting bagi tujuan akauntabiliti. Walaupun kajian oleh Bartocci dan Picciaia (2013) serta Cohen dan Karatzimas (2015) menyatakan tentang penglibatan pihak berkepentingan, namun kajian mereka adalah berbentuk konseptual dan bukannya empirikal. Manakala kajian oleh Farneti et al. (2019) hanya mengambil kira perspektif penyedia laporan sahaja dan skop kajian tidak tertumpu kepada kandungan pelaporan yang menyeluruh.

Selain itu, dalam pengetahuan pengkaji, belum ada kajian yang telah mencadangkan item pendedahan yang telah mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan untuk dijadikan rujukan oleh sektor awam, khususnya dalam konteks negara membangun. Pihak berkepentingan adalah pelbagai iaitu merangkumi pihak yang memberi kesan terhadap aspek ekonomi (misalnya pelanggan; pembekal; pelabur dan pemegang saham), pihak yang mempengaruhi aspek sosial (kakitangan dan masyarakat) serta pihak yang memberi kesan terhadap aspek politik seperti penggubal peraturan dan Kerajaan. Keperluan maklumat pelaporan dari perspektif orang awam turut perlu diambil kira memandangkan mereka selaku pembayar cukai merupakan penyumbang utama nilai awam (Cohen & Karatzimas 2015; Bartocci & Picciaia 2013). Justeru, dalam mencadangkan item pendedahan laporan bersepadu BBP, keperluan maklumat pelbagai pihak kepentingan dalaman dan luaran BBP adalah diambil kira.

METODOLOGI

Pembangunan item pendedahan laporan bersepadu dalam kajian ini melibatkan 4 langkah utama iaitu pengenalanpastian item pendedahan, pemilihan peserta kajian, maklum balas oleh wakil pihak berkepentingan dalaman dan luaran BBP serta pengesahan muktamad oleh kumpulan pengesah pelaporan BBP. Langkah tersebut adalah selari dengan penyelidikan yang pernah dilaksanakan oleh Mohd. Fairuz et al. (2016) dalam membangunkan item pendedahan laporan.

LANGKAH 1: PROSES PENGENALPASTIAN ITEM PENDEDAHAN

Setakat ini tiada satu ketetapan berdasarkan kajian lepas mengenai bilangan dan kaedah pemilihan item pendedahan bagi sesuatu pelaporan (Olusegun Wallace et al. 1994). Untuk tujuan kajian ini Kerangka IIRC telah digunakan sebagai asas pembangunan item, namun hanya digunakan sebagai panduan umum sahaja memandangkan Kerangka tersebut tidak menjelaskan secara terperinci bentuk pengukuran atau jenis item pendedahan yang diperlukan (Manes-Rossi 2018). Sehubungan itu, selari dengan pendekatan yang digunakan oleh Hooks et al. (2012) dan Tooley et al. (2010), pelbagai sumber telah diambil kira sebagai rujukan untuk membangunkan item pendedahan bagi pengesahan pihak berkepentingan yang berkaitan termasuklah yang berikut:

1. Kajian literatur (misalnya Manes Rossi 2018; Stefanescu et al. 2016; Veltri & Silvestri 2015; Montecalvo et al. 2018; Nicolo et al. 2020; Katsikas et al. 2017; Mauro et al. 2020 dan Farneti et al. 2019).
2. Cadangan kepada Kerangka IIRC melalui garis panduan yang disediakan oleh badan professional seperti *Chartered Institute of Management Accountants* (CIMA 2019)
3. Peraturan mengenai laporan BBP yang berkuat kuasa, contohnya Pekeliling Perbendaharaan Bilangan PA 3.2 2021 (Perbendaharaan 2021)
4. Laporan agensi (BBP) yang telah menyediakan laporan bersepadu. Setakat ini hanya 2 BBP sahaja yang telah menyediakan laporan bersepadu di Malaysia sejak Kerangka Kerja Pelaporan Bersepadu diperkenalkan oleh IIRC pada tahun 2013, iaitu Institut Akauntan Malaysia dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

Berdasarkan penelitian yang dilaksanakan terhadap rujukan seperti di atas, sebanyak 70 item berpotensi telah dikenal pasti dan diklasifikasikan kepada 8 kategori iaitu Organisasi dan Persekitaran Luaran; Model Operasi; Risiko dan Peluang; Strategi Agihan Sumber; Jangkaan Hadapan; Tadbir Urus; Prestasi serta Asas Penyediaan dan Persembahan. Seterusnya untuk setiap item yang dikenal pasti, skala Likert lima skor (dari 0 hingga 4)

telah digunakan bagi mendapatkan pandangan mengenai kepentingan pendedahan item berkenaan. Nilai '0' memberi indikasi item 'Tidak Penting' untuk dilaporkan manakala nilai '4' digunakan memberi indikasi item tersebut 'Terlalu Penting' untuk dilaporkan.

Item pendedahan tersebut kemudiannya dinyatakan dalam borang soal selidik berbentuk *google form* untuk diedarkan kepada peserta kajian terlibat. Penyediaan borang soal selidik dalam bentuk *google form* tersebut telah digunakan secara meluas pada masa kini bagi mengurangkan kos dan memudahkan proses menganalisis data (Mondal et al. 2019). Jawapan yang diterima dari peserta kemudiannya dibawa kepada perbincangan kumpulan berfokus untuk tujuan mendapatkan maklum balas dan pengesahan item.

LANGKAH 2: PEMILIHAN PESERTA BAGI MAKLUM BALAS DAN PENGESAHAN ITEM PENDEDAHAN

Pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan bagi memilih peserta kajian yang dapat memberikan jawapan yang mendalam serta heuristik (Patton 2015). Peserta terdiri daripada dua kategori, iaitu kategori pertama adalah untuk memberi maklum balas kepada item pendedahan yang dicadangkan manakala kategori kedua adalah bagi mengesahkan dan memuktamadkan item pendedahan. Pemilihan peserta telah dijalankan dengan teliti selaras ciri-ciri yang disarankan oleh Tremblay (1957), iaitu memiliki kepakaran dan pengetahuan dalam skop kajian; memenuhi kriteria peranan yang ditetapkan, boleh menyampaikan maklumat yang diperlukan dengan baik, bebas serta bersetuju untuk menjadi peserta kajian.

Peserta yang dipilih bagi tujuan maklum balas terhadap item pendedahan merupakan wakil pihak berkepentingan dalaman dan luaran BBP yang pelbagai (Lapsley 1992; Taylor 2006; Nur Barizah Abu Bakar 2013). Pihak berkepentingan dalaman merupakan pengguna dalaman laporan termasuk kakitangan dan pengurusan, iaitu konsisten dengan pandangan Lapsley (1992) dan Nur Barizah Abu Bakar (2013). Manakala pihak berkepentingan luaran terdiri daripada (1) Pihak yang mempunyai akses langsung dan berkala terhadap pelaporan seperti Parlimen; juruaudit awam; Menteri; Perbendaharaan; konsultan lantikan, serta (2) Pihak yang tidak mempunyai akses langsung seperti pelanggan; komuniti; Badan Bukan Kerajaan dan media. Takrifan tersebut selari dengan pandangan Lapsley (1992), Taylor (2006) dan Nur Barizah Abu Bakar (2013). Berdasarkan maklumat lengkap yang telah diperolehi, pengkaji telah menyenarai-pendekkan 25 orang pihak berkepentingan untuk tujuan maklum balas dan 10 orang pihak berkepentingan bagi tujuan pengesahan item pendedahan untuk dihubungi melalui e-mel bagi proses selanjutnya. Lembaran Maklumat Peserta (*Participant Information Sheet*), Soalan Kajian dan Borang Persetujuan (*Consent Form*) juga telah diberikan kepada mereka melalui e-mel tersebut. Daripada jumlah tersebut, hanya 13 (52%) orang

peserta bagi tujuan maklum balas dan 8 (80%) orang peserta bagi tujuan pengesahan item telah menyatakan persetujuan untuk terlibat dalam kajian.

Peserta bagi tujuan maklum balas terdiri daripada 6 wakil pihak berkepentingan dalaman dan 7 wakil pihak berkepentingan luaran. Pihak berkepentingan dalaman terdiri daripada Pengurusan Atasan, Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Jawatankuasa Audit dan Penyedia. Manakala pihak berkepentingan luaran termasuklah Menteri, Wakil Kementerian Menyelia iaitu Jabatan Perdana Menteri, Wakil Jabatan Audit Negara, Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Ahli Akademik, Wakil Media dan Wakil Orang Awam. Peserta bagi tujuan pengesahan atau untuk memuktamadkan item pula seramai 8 orang iaitu terdiri daripada 4 orang pihak berautoriti yang merupakan pihak berkepentingan paling berpengaruh dalam pelaporan BBP serta 4 orang penyedia laporan yang merupakan tonggak utama kepada proses penyediaan laporan bersepadu (Nur Barizah Abu Bakar 2013). Menurut Krueger dan Casey (2000) serta Morgan (1996), bilangan antara enam hingga sepuluh peserta perbincangan kumpulan berfokus adalah mencukupi. Manakala sepuluh peserta dianggap lebih daripada mencukupi untuk memperoleh pelbagai perspektif dalam perbincangan tersebut (Morgan 1996). Butiran peserta yang terlibat adalah seperti Jadual 1.

LANGKAH 3. MAKLUM BALAS WAKIL PIHAK BERKEPENTINGAN DALAMAN DAN LUARAN

Langkah mendapatkan maklum balas daripada wakil pihak berkepentingan dilakukan bagi mendapatkan pandangan pihak berkepentingan dalaman dan luaran sendiri terhadap jenis item maklumat yang perlu didedahkan dan tahap kepentingan pendedahan item tersebut dalam laporan bersepadu BBP. Langkah ini penting bagi memastikan maklumat yang dilaporkan benar-benar relevan dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan (Norida Basnan 2010; Tooley et al. 2010). Seperti mana yang telah dinyatakan dalam perenggan terdahulu, item pendedahan yang telah dibangunkan telah disenaraikan dalam borang soal selidik berbentuk *google form* untuk diedarkan kepada peserta terlibat bagi mendapatkan maklum balas yang diperlukan.

Jawapan dalam bentuk *google form* yang diterima daripada peserta selanjutnya telah dianalisis untuk dibincangkan bersama peserta terlibat dalam sesi perbincangan kumpulan berfokus. Antara kelebihan perbincangan kumpulan berfokus adalah untuk membolehkan perkongsian idea dan perdebatan pandangan yang menyeluruh melibatkan pelbagai pihak lain (Morgan 1996; Krueger & Casey 2000; Mohd Zairul 2020), namun memerlukan moderator yang bijak merancang strategi pengendalian sesi perbincangan (Morgan 1996).

Sesi perbincangan telah dibuat dalam 2 sesi kumpulan homogen yang berbeza secara dalam talian, iaitu Kumpulan 1 seramai 6 orang dan Kumpulan 2

JADUAL 1. Peserta kajian yang terlibat

Pihak Berkepentingan Dalaman (Fungsi: Maklum balas Item)	Bil.	Pihak Berkepentingan Luaran (Fungsi: Maklum balas Item)	Bil.
Ketua Pegawai Operasi	1	Ahli Akademik	1
Ketua Pegawai Kewangan	1	Orang Awam/Pelanggan	1
Ahli Lembaga Pengarah	1	Media	1
Jawatankuasa Dalaman	1	Menteri	1
Penyedia Laporan	2	Wakil Kementerian Menyelia	1
		Wakil Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	1
		Wakil Jabatan Audit Negara	1
Jumlah Kecil	6	Jumlah Kecil	7
Pihak Berkepentingan Utama (Fungsi: Pengesahan Item)			
Wakil Kementerian Kewangan	2		
Wakil Jabatan Audit Negara (Subject Matter Experts)	1		
Rakan Kongsi Firma Audit Bertauliah	1		
Penyedia Laporan	4		
Jumlah Kecil	8		

seramai 7 orang. Menurut Patton (2015), komposisi kumpulan berfokus berbentuk homogen terdiri daripada kumpulan yang mempunyai persamaan dari segi latar belakang, pengetahuan dan pengalaman. Apabila peserta daripada latar belakang yang sama, kumpulan tersebut berfungsi dengan lebih berkesan dan dinamik lantas memudahkan persepakatan untuk mencapai hasil perbincangan yang diinginkan (Krueger & Casey 2000; Patton 2015). Ia berbeza dengan kumpulan berbentuk heterogen yang terdiri daripada kumpulan yang mempunyai latar belakang peserta yang pelbagai yang bertujuan menghasilkan input yang holistik dan mendalam terhadap perkara yang dibincangkan. Pengendalian perbincangan secara dalam talian yang merupakan alternatif kepada kaedah konvensional sedia ada telah dibuat lanjutan daripada situasi pandemik Covid-19 yang tidak membolehkan kutipan data dibuat secara bersemuka (Torrentira et al. 2020).

Berdasarkan analisis awal yang dibentangkan, pengkaji kemudiannya telah mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak berkepentingan yang terlibat mengenai justifikasi item dan tahap kepentingan pendedahannya. Melalui sesi perbincangan berfokus, proses pembuatan keputusan adalah bersifat heuristik memandangkan maklum balas melalui kaedah tersebut telah dibentangkan kepada kumpulan yang berbeza berbanding peserta yang sama dalam kaedah Delphi (Mohd Zairul 2020).

Pihak berkepentingan yang berkenaan juga diberi peluang untuk menambah atau menggugurkan senarai item berdasarkan justifikasi masing-masing. Selanjutnya, penelitian semula terhadap kesesuaian terma yang digunakan dalam kategori dan item juga telah dibuat oleh peserta perbincangan, sebagaimana kajian Mohd Fairuz et al. (2016).

LANGKAH 4. PENGESAHAN (PIHAK BERAUTORITI DAN PENYEDIA)

Hasil dapatan daripada kumpulan berfokus 1 dan 2 seterusnya dibentangkan untuk ulasan kumpulan berfokus 3 yang bertindak sebagai pihak pengesah bagi memuktamadkan cadangan item dan tahap kepentingan pendedahannya. Sesi perbincangan kumpulan berfokus 3 yang dikendalikan secara dalam talian adalah berbentuk heterogen yang melibatkan peserta daripada latar belakang berbeza, iaitu Pihak Berautoriti dan Penyedia Laporan. Bagi memastikan pengendalian kumpulan heterogen yang berkesan, moderator atau pengkaji perlu bijak merancang pengendalian sesi perbincangan yang dijalankan.

Dengan adanya perbincangan melibatkan komposisi 2 kumpulan homogen dan 1 kumpulan heterogen, pengalaman peserta yang digarap benar-benar telah dapat membantu menghasilkan hasil analisis yang bermakna bagi memutuskan item pelaporan yang diperlukan. Berdasarkan kesepakatan peserta kumpulan berfokus 3, item pendedahan laporan bersepadu telah dimuktamadkan sebagai relevan untuk dilaporkan menurut pandangan pihak berkepentingan BBP.

Terdapat beberapa strategi semasa proses pengumpulan data yang telah dilaksanakan oleh pengkaji untuk memastikan keyakinan (*trustworthiness*) yang tinggi, sebagaimana yang disarankan oleh Lincoln dan Guba (1985). Bagi mengurangkan bias pengkaji, antara strategi yang digunakan termasuklah penggunaan triangulasi data, kesahan oleh peserta (*member checks*) serta perbincangan dengan Jawatankuasa Penyeliaan (*peer debriefing*) dari semasa ke semasa.

Bagi menganalisis pandangan pihak berkepentingan tentang tahap kepentingan item yang perlu didedahkan

dalam laporan bersepadu BBP, analisis statistik seperti purata serta sisihan piawai telah digunakan. Penggunaan analisis purata dan sisihan piawai adalah disarankan dalam kajian lepas misalnya oleh Tooley et al. (2010) dan Norida Basnan (2010). Selanjutnya, bagi menentukan analisis inferensi yang sesuai untuk mengenal pasti sama ada wujud perbezaan ketara di antara kelompok pihak berkepentingan dalaman dan luaran, ujian Mann-Whitney U telah digunakan memandangkan data yang berkaitan tidak normal. Pendekatan analisis yang sama turut digunakan dalam kajian Tooley et al. (2010) dan Murni Subroto (2015).

HASIL KAJIAN

Setelah melalui proses pembangunan item yang melibatkan 4 langkah seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian metodologi, sebanyak 70 senarai item yang dicadangkan telah dipersetujui oleh pelbagai pihak berkepentingan sebagai relevan untuk dilaporkan dalam laporan bersepadu BBP. Item tersebut dikategorikan kepada 8 kategori iaitu Latar Belakang Organisasi dan Persekitaran Luaran, Model Operasi, Risiko dan Peluang, Strategi dan Agihan Sumber, Jangkaan Hadapan, Tadbir Urus, Prestasi serta Asas Penyediaan dan Persembahan.

ANALISIS NILAI PURATA DAN SISIHAN PIAWAI

Nilai purata dikira dengan mengambil jumlah nilai sesuatu kumpulan nombor dan membahagikannya dengan bilangan nilai dalam kumpulan tersebut, yang merupakan pengukuran paling umum yang digunakan dalam kecenderungan memusat bagi menggambarkan nilai kumpulan data yang dianalisis. Sungguhpun demikian, kelemahan utama nilai purata adalah ia tidak sensitif terhadap nilai titik terpencil (*outlying points*). Justeru, adalah penting untuk mengetahui sejauh mana konsistensi taburan atau sebaran sesuatu data daripada titik purata tersebut, iaitu yang diukur melalui sisihan piawai. Lebih jauh sesuatu sebaran data dari titik purata,

lebih tidak konsisten sesuatu nilai data dalam kumpulan tersebut (Altman & Bland 2005).

Perbandingan nilai purata dan nilai sisihan piawai item pendedahan telah dibuat berdasarkan 8 kategori item utama iaitu Latar Belakang Organisasi dan Persekitaran Luaran, Model Operasi, Risiko dan Peluang, Strategi dan Agihan Sumber, Jangkaan Hadapan, Tadbir Urus, Prestasi dan Asas Penyediaan dan Persembahan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Hasil analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 2 adalah berdasarkan perbincangan kumpulan berfokus yang berasingan. Pertamanya, maklum balas telah diperoleh terlebih dahulu daripada kumpulan pihak berkepentingan dalaman (Kumpulan 1 atau K1) dan pihak berkepentingan luaran (Kumpulan 2 atau K2). Seterusnya, pandangan kedua-dua kumpulan ini telah dibawa kepada kumpulan 3 untuk tujuan pengesahan dan memuktamadkan item pendedahan Laporan Bersepadu BBP. Kumpulan 3 turut menyuarakan pandangan mereka sendiri terhadap item pendedahan yang diperlukan.

Hasil analisis menunjukkan nilai purata keseluruhan tertinggi ditunjukkan oleh Kumpulan 3 (Gabungan Pihak Berkepentingan Luaran dan Dalaman) dengan nilai 3.54 diikuti Kumpulan 2 (Pihak Berkepentingan Luaran) dengan nilai 3.53 dan Kumpulan 1 (Pihak Berkepentingan Dalaman) dengan nilai 3.44. Bagaimanapun, nilai kesepakatan persetujuan lebih baik atau skor sisihan piawai paling kecil telah dicatatkan oleh Kumpulan 2 (Pihak Berkepentingan Luaran). Hasil analisis juga menunjukkan kesemua nilai sisihan piawai daripada nilai piawai (purata) item adalah konsisten kerana tiada nilai sisihan piawai yang melebihi nilai purata. Ini menunjukkan terdapat konsistensi dalam memutuskan persetujuan oleh kesemua kumpulan bagi item yang dicadangkan.

Jika dilihat dari aspek perbandingan kategori item, kategori Prestasi mencatat skor purata keseluruhan tertinggi dengan skor 3.75, diikuti Latar belakang Organisasi dan Persekitaran Luaran dengan skor 3.66. Kategori Tadbir Urus mencatat skor purata keseluruhan terendah dengan skor 3.28. Nilai purata dan sisihan piawai item diringkaskan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Nilai purata dan sisihan piawai item laporan bersepadu

Kategori Item	K1 (n = 6)		K2 (n = 7)		K3 (n = 8)		Muktamad	
	Min	SD	Min	SD	Min	SD	Min	SD
Organisasi dan Persekitaran Luaran (11 item)	3.71	0.47	3.56	0.49	3.70	0.48	3.66	0.52
Model Operasi (9 item)	3.37	0.79	3.41	0.55	3.47	0.65	3.42	0.66
Risiko dan Peluang (7 item)	3.62	0.53	3.67	0.49	3.59	0.52	3.63	0.49
Strategi Agihan Sumber (3 item)	3.28	0.87	3.62	0.48	3.50	0.75	3.48	0.70
Jangkaan Hadapan (12 item)	3.14	0.95	3.38	0.61	3.45	0.79	3.34	0.78
Tadbir Urus (9 item)	3.04	1.07	3.29	0.36	3.46	0.79	3.28	0.82
Prestasi (13 item)	3.76	0.35	3.85	0.26	3.66	0.48	3.75	0.40
Asas Penyediaan dan Persembahan (6 item)	3.52	0.78	3.50	0.53	3.39	0.90	3.46	0.77
Jumlah	3.44	0.69	3.53	0.46	3.54	0.64	3.51	0.62

Nota: Min = Nilai Purata, SD = Sisihan Piawai

Secara umumnya, hasil analisis menunjukkan tiada nilai sisihan piawai yang melebihi nilai purata. Ini menunjukkan terdapat konsistensi dalam memutuskan persetujuan oleh kesemua kumpulan bagi item yang dicadangkan, sebagaimana pandangan Tooley et al. (2010). Berdasarkan perbandingan, pihak berkepentingan luaran dilihat memberikan skor purata yang lebih tinggi dalam memutuskan persetujuan terhadap kesemua kategori item berbanding pihak berkepentingan dalaman, kecuali bagi kategori Organisasi dan Persekitaran Luaran. Sungguhpun demikian, terdapat kekangan dalam mendapatkan sebahagian maklumat tersebut, khususnya di peringkat penyedia laporan. Salah seorang peserta Kumpulan 3 menjelaskan:

“... Result FGD 2 dan 3 quite konsisten. Maksudnya pihak yang nak sedia, masalah dia sekarang. Itu yang sedikit rendah. Kita faham laporan bersepadu (IR) penting tapi masalah di peringkat preparer sebab dia yang nak sediakan ...”

Berdasarkan analisis di Lampiran A, didapati 5 daripada 70 item (7.1%) mendapat skor purata keseluruhan 4 atau ‘Terlalu Penting’ untuk dilaporkan. Salah seorang peserta telah menjelaskan bahawa indikator yang memperoleh skor tersebut adalah maklumat penting untuk dilaporkan oleh BBP kerana terdapat ketetapan peraturan yang mewajibkan (mandatori) untuk item yang berkenaan dilaporkan.

Daripada 70 item yang dicadangkan, sebanyak 65 (92.9%) pula mendapat nilai purata keseluruhan antara 3 hingga 3.95 atau ‘Sangat Penting’ dan ‘Terlalu Penting’ untuk dilaporkan. Berdasarkan purata keseluruhan kumpulan tersebut, hasil analisis menunjukkan tiada item yang dikenal pasti sebagai ‘Penting’, ‘Agak Penting’ atau ‘Tidak Penting’ oleh pihak berkepentingan yang telah dilibatkan dalam kajian ini.

ANALISIS UJIAN MANN-WHITNEY U

Bagi menentukan sama ada wujud perbezaan pendapat yang ketara di antara pihak berkepentingan dalaman dan luaran BBP terhadap kepentingan pendedahan item dalam laporan bersepadu, Ujian Mann-Whitney U telah digunakan. Bagi tujuan pengujian berkenaan, peserta Kumpulan 1, 2 dan 3 telah diasingkan kepada kumpulan pihak berkepentingan dalaman yang mempunyai 10 peserta dan pihak berkepentingan luaran yang mempunyai 11 peserta.

Berdasarkan nilai p seperti di Lampiran A, didapati tiada perbezaan pendapat yang ketara di antara kumpulan pihak berkepentingan dalaman dan luaran tentang tahap kepentingan pendedahan item pada aras signifikan $p < 0.05$. Ini kerana hanya 4.3% atau 3 daripada 70 item yang diuji mempunyai nilai $p < 0.05$ atau mempunyai perbezaan pendapat antara kumpulan tersebut. Item yang berkenaan adalah ‘Output Utama’, ‘Objektif Strategik dan Ukurannya’ dan ‘Kaitan Pencapaian Lepas, Semasa

dan Akan Datang’. Walau bagaimanapun, perbezaan pendapat tersebut adalah kecil kerana kesemua nilai saiz kesan (*effect size*) yang diukur melalui nilai ‘r’ bagi ketiga-tiga item adalah kurang dari 0.1.

Secara umumnya, adalah bahawa purata pendapat bagi kumpulan pihak berkepentingan luaran adalah lebih tinggi daripada purata kumpulan pihak berkepentingan dalaman iaitu 3.61 berbanding 3.41. Selain itu, tahap kepentingan pendedahan item yang diberikan oleh kumpulan pihak berkepentingan luaran adalah lebih tinggi daripada kumpulan pihak berkepentingan dalaman bagi semua kategori kecuali kategori Organisasi/Persekitaran Luaran.

Kumpulan pihak berkepentingan luaran juga dilihat memberi skor yang lebih tinggi terhadap 61 daripada 70 item (87.1%) berbanding kumpulan pihak berkepentingan dalaman. 66 item juga dianggap ‘Sangat Penting’ oleh kedua-dua pihak berkepentingan kerana memperoleh skor melebihi 3. Manakala 4 item iaitu ‘Implikasi Kompetensi’, ‘Jumlah Mesyuarat’, ‘Praktis Tadbir Urus Mengatasi Perundangan’ dan ‘Ganjaran/Insentif’ telah diberikan skor di bawah 3 oleh pihak berkepentingan dalaman. Antara justifikasi yang diberikan adalah maklumat kurang signifikan untuk didedahkan kepada pihak luar dan sukar diukur.

Merujuk kepada Lampiran A, kedua-dua kumpulan pihak berkepentingan dalaman dan luaran juga didapati memberikan skor tertinggi bagi kategori Prestasi. Manakala kategori Tadbir Urus dan Jangkaan Hadapan memperoleh skor terendah dari kedua-dua kumpulan. Sungguhpun item-item di bawah kategori tersebut turut penting untuk dilaporkan, namun BBP menghadapi sedikit kesukaran untuk mendapatkan maklumat tertentu yang berkaitan dengan item berkenaan kerana di luar kawalan BBP atau bersifat sensitif. Manakala item di bawah kategori Jangkaan seperti ‘Inovasi’ dan ‘Jangkaan Keberhasilan’ pula tidak didedahkan dengan menyeluruh.

Berdasarkan keputusan ujian Mann-Whitney U yang dianalisis, hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan pendapat yang ketara di antara kumpulan pihak berkepentingan dalaman dan luaran tentang tahap kepentingan pendedahan item pada aras signifikan $p < 0.05$. Namun terdapat penarafan ‘tahap kepentingan’ yang lebih tinggi telah diberikan oleh kumpulan pihak berkepentingan tertentu terhadap item tertentu. Misalnya, pihak berkepentingan luaran lebih cenderung terhadap item yang melaporkan prestasi ekonomi, kecekapan dan keberkesanan entiti awam dalam menyampaikan nilai awam. Manakala pihak berkepentingan dalaman lebih cenderung terhadap item yang memberi kesan langsung kepada mereka dan tidak menjejaskan reputasi entiti awam.

CADANGAN ITEM TAMBAHAN

Selain daripada 70 item yang disenaraikan berdasarkan cadangan kajian lepas serta sumber rujukan lain, peserta

juga diminta untuk mencadangkan item tambahan lain yang dirasakan bersesuaian untuk dilaporkan di dalam laporan bersepadu berserta justifikasinya. Melalui perbincangan yang dijalankan, tiada item yang digugurkan, sebaliknya 2 dan 3 item tambahan masing-masingnya telah dicadangkan oleh pihak berkepentingan dalaman dan pihak berkepentingan luaran. Maklumat tersebut adalah 'Kes Perundangan', 'Perincian Mengenai Aspek Kelestarian', 'Penerimaan/Penggunaan Geran Kerajaan', 'Penerimaan/Penggunaan Pinjaman' dan 'Isu Semasa'.

Menurut peserta Kumpulan 1, maklumat item berkenaan Kes Perundangan penting bagi mengetahui aspek perundangan yang boleh memberi kesan signifikan terhadap materialiti kewangan dan reputasi BBP. Manakala item 'Perincian Mengenai Aspek Kelestarian' pula dicadangkan memandangkan maklumat tersebut penting selaras keperluan semasa global dan merupakan maklumat signifikan yang diperlukan dalam komponen 'Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)'. Menurut peserta kumpulan 2 pula, 'Penerimaan/Penggunaan Geran Kerajaan' dan 'Penerimaan/Penggunaan Pinjaman' perlu dijelaskan dengan lebih terperinci bagi menunjukkan ketelusan dan akauntabiliti BBP terhadap jumlah sebenar geran mahupun pinjaman yang diterima.

Senarai item tambahan tersebut kemudiannya telah dibawa untuk perbincangan Kumpulan 3 yang bertindak sebagai pengesah kepada keputusan pihak berkepentingan. Memandangkan item yang berkenaan dicadangkan oleh kumpulan yang berasingan, pemberian skor diputuskan oleh kesemua peserta Kumpulan 3 yang bertindak sebagai pengesah kepada item-item yang telah dicadangkan. Item 'Penerimaan/Penggunaan Geran Kerajaan' serta 'Kes Perundangan' mencatat skor purata tertinggi berbanding item cadangan lain. Manakala skor terendah ditunjukkan oleh item Perincian Mengenai Aspek Kelestarian. Senarai item tambahan yang dicadangkan berserta justifikasinya serta nilai purata yang telah diberikan oleh peserta Kumpulan 3 diringkaskan seperti Jadual 3.

Secara rumusnya, sebanyak 75 telah dipersetujui oleh peserta sebagai item pendedahan yang relevan untuk dilaporkan dalam pelaporan bersepadu BBP.

PERBINCANGAN

Melalui perbandingan kategori item, hasil kajian menunjukkan kategori Prestasi mencatat skor purata keseluruhan tertinggi, diikuti kategori Latar belakang Organisasi dan Persekitaran Luaran. Dapatan ini adalah konsisten dengan kajian terdahulu yang menjelaskan bahawa maklumat tersebut khususnya prestasi kewangan dianggap penting kerana tertakluk kepada keperluan piawaian perakaunan antarabangsa (Nicolo et al. 2020; Manes-Rossi et al. 2020). Manakala selari dengan pandangan Hassan et al. (2019), maklumat Latar belakang Organisasi dan Persekitaran Luaran dianggap penting kerana memberi gambaran menyeluruh mengenai persekitaran organisasi serta lazimnya mudah diperolehi oleh mana-mana entiti awam. Dengan membandingkan keperluan pihak berkepentingan dalaman dan luaran, hasil kajian adalah selari dengan kajian oleh Tooley et al. (2010) yang mendapati pihak berkepentingan luaran lebih mementingkan aspek prestasi dan operasi berbanding maklumat latar belakang organisasi.

Hasil kajian secara keseluruhan menunjukkan 7.1% item adalah terlalu penting untuk dilaporkan. Justifikasi yang diberikan oleh salah seorang peserta iaitu disebabkan oleh ketetapan peraturan yang mewajibkan (mandatori) untuk item berkenaan dilaporkan adalah konsisten dengan pandangan Nicolo et al. (2020) dan Manes-Rossi et al. (2020). Hasil kajian secara keseluruhan juga menunjukkan tiada perbezaan pendapat yang ketara di antarkumpulan pihak berkepentingan dalaman dan luaran tentang tahap kepentingan pendedahan item. Dapatan ini adalah selari dengan kajian terdahulu dalam konteks pelaporan awam, misalnya Murni Subroto (2015) yang menunjukkan persamaan antara kedua-dua kumpulan pihak berkepentingan terhadap tahap kepentingan item pendedahan yang dicadangkan. Sungguhpun demikian, kajian Tooley et al. (2010) dan Norida Basnan (2010) menunjukkan hasil kajian sebaliknya di mana terdapat perbezaan ketara tentang tahap kepentingan di antara kumpulan pihak berkepentingan bagi sebahagian besar item yang dicadangkan dalam kajian mereka.

Kedua-dua kumpulan pihak berkepentingan dalaman dan luaran didapati sangat memerlukan item maklumat

JADUAL 3. Justifikasi dan nilai purata item tambahan

Nama Indikator	Justifikasi	Nilai Purata
Penerimaan/Penggunaan Geran Kerajaan	Menunjukkan ketelusan dan akauntabiliti BBP terhadap jumlah sebenar geran yang diterima dan sejauh mana penggunaannya	3.88
Kes Perundangan	Memberi kesan signifikan terhadap materialiti kewangan dan reputasi BBP	3.63
Penerimaan/Penggunaan Pinjaman	Menunjukkan ketelusan dan akauntabiliti BBP terhadap jumlah sebenar pinjaman yang diterima dan sejauh mana penggunaannya	3.63
Isu Semasa	Memberi gambaran yang telus kepada pihak berkepentingan berkenaan perkara signifikan yang boleh mempengaruhi prestasi BBP	3.38
Perincian Mengenai Aspek Kelestarian	Maklumat penting untuk dilaporkan selaras Dasar Negara menjelang 2030	3.38

di bawah kategori Prestasi untuk dilaporkan kerana ia menjadi keperluan mandatori sebagaimana ketetapan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa. Sebaliknya kedua-dua kumpulan tidak begitu mementingkan pendedahan item di bawah kategori Tadbir Urus dan Jangkaan Hadapan. Pada mereka BBP menghadapi sedikit kesukaran untuk mendapatkan maklumat berkenaan kerana di luar kawalan BBP atau bersifat sensitif. Dalam kajian Mauro et al. (2020), item di bawah kategori Tadbir Urus seperti 'Latar Belakang Dan Kelayakan Individu Yang Terlibat Dalam Struktur Tadbir Urus' hanya dianggap sebagai 'Agak Penting' dan tidak didedahkan secara terperinci dalam laporan bersepadu kerana disifatkan sebagai maklumat dalaman. Manakala dapatan kajian yang menunjukkan item di bawah kategori Jangkaan seperti 'Inovasi' dan 'Jangkaan Keberhasilan' tidak didedahkan dengan menyeluruh adalah konsisten dengan pandangan Mauro et al. (2020) dan Manes-Rossi et al. (2020) yang menjelaskan kebimbangan maklumat tersebut dieksploitasi, yang akhirnya mencetuskan kos tidak langsung dan menyebabkan kesan negatif.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan terdapat beberapa maklumat tambahan yang dicadangkan pihak berkepentingan untuk dilaporkan termasuk item 'Perincian Mengenai Aspek Kelestarian' selari dengan keperluan semasa global dan merupakan maklumat signifikan yang diperlukan dalam komponen 'Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)' selaras dasar awam yang ditetapkan menjelang tahun 2030 (Jabatan Perdana Menteri 2021). Pihak berkepentingan juga didapati mencadangkan bahawa maklumat tentang 'Penerimaan Dan Penggunaan Geran Kerajaan' serta maklumat tentang 'Penerimaan Dan Penggunaan Pinjaman' perlu dijelaskan dengan lebih terperinci bagi menunjukkan ketelusan dan akauntabiliti BBP. Ini adalah kerana pendedahan maklumat tersebut merupakan antara indikator penting mengukur aspek ekonomi dan kecekapan perkhidmatan awam (Perbendaharaan 2021). Selain itu pihak berkepentingan juga wajar dimaklumkan tentang maklumat mengenai sejauh mana penggunaan pinjaman dan geran tersebut dari aspek 'bagaimana' dan 'untuk apa' digunakan. Begitu juga dengan maklumat tentang 'Isu Semasa' yang perlu dijelaskan dengan lebih terperinci bagi memberi gambaran yang telus kepada pihak berkepentingan berkenaan perkara signifikan yang boleh mempengaruhi prestasi BBP. Hasil kajian juga menunjukkan pihak berkepentingan sangat mementingkan pendedahan maklumat tentang 'Kes Perundangan'. Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak konsisten dengan pandangan Mauro et al. (2020) yang menjelaskan bahawa isu perundangan tidak menjadi keutamaan untuk dilaporkan dalam pelaporan bersepadu awam kerana ia merupakan isu dalaman. Walaupun kelestarian menjadi komponen dalam SDG, maklumat secara terperinci tentang aspek kelestarian sangat tidak dipentingkan oleh pihak berkepentingan. Dapatan ini selari dengan pandangan Manes-Rossi et al. (2020) yang menjelaskan bahawa sebahagian entiti awam hanya

cenderung melaporkan aspek kelestarian dalam bahagian tertentu dan tidak melaporkannya secara terperinci dan menyeluruh.

IMPLIKASI TEORI

Secara teoretikal, kajian ini menyumbang pengetahuan dalam aspek pelaporan bersepadu dengan mengaitkan keperluan pihak berkepentingan entiti yang dikaji iaitu BBP terhadap item pendedahan yang diperlukan. Ia berupaya menjadi input penting dalam membangunkan Kerangka Kerja Pelaporan Bersepadu sektor awam yang diperlukan sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh pengkaji lepas. Selain itu, lima item tambahan yang dicadangkan yang merupakan dapatan baru iaitu 'Perincian Mengenai Aspek Kelestarian', 'Penerimaan dan Penggunaan Geran Kerajaan', 'Penerimaan dan Penggunaan Pinjaman', 'Isu Semasa' dan 'Kes Perundangan' berupaya menyumbang secara teoritikal kepada item pendedahan sedia ada serta boleh digunakan sebagai rujukan berguna oleh pengkaji akan datang.

IMPLIKASI PRAKTIKAL

Senarai item pendedahan yang dicadangkan boleh dijadikan panduan oleh penggubal polisi pelaporan awam untuk membuat pindaan di mana perlu terhadap peraturan sedia ada iaitu Pekeliling Perbendaharaan khususnya berkenaan aspek ketetapan maklumat kandungan pelaporan. Tambahan lagi, dapatan kajian ini turut boleh dijadikan sebagai asas rujukan kepada pihak berautoriti untuk melaksanakan mekanisme pemantauan terhadap pelaporan entiti awam seperti BBP.

KESIMPULAN

Lanjutan daripada isu pelaporan BBP yang mendedahkan maklumat terhad sehingga menyebabkan tuntutan pihak berkepentingan untuk BBP memberikan penjelasan tambahan yang lebih menyeluruh, pelaporan bersepadu yang mengambilkira keperluan pelbagai pihak berkepentingan adalah signifikan sebagai satu mekanisme pelaporan yang lebih baik berbanding pelaporan tradisional. Persoalannya, apakah item maklumat yang diperlukan oleh pihak berkepentingan BBP untuk didedahkan dalam pelaporan bersepadu, dan sejauh manakah pentingnya setiap item maklumat tersebut perlu didedahkan? Bagi menjawab persoalan ini, kajian untuk mengenalpasti item pendedahan laporan bersepadu BBP adalah satu usaha yang sangat penting bagi memastikan maklumat yang dilaporkan benar-benar relevan, memenuhi nilai awam serta berupaya memenuhi keperluan pelbagai pihak berkepentingan entiti awam. Hal ini selari dengan kajian lepas yang telah menekankan bahawa pelaporan yang dapat memenuhi tuntutan pihak berkepentingan bukan sahaja dapat memanfaatkan pihak berkepentingan, malahan berupaya memenuhi

permintaan komunikasi holistik pihak tersebut, mengurangkan asimetri maklumat serta mempertingkatkan prestasi dan akauntabiliti entiti awam.

Secara umumnya, hasil analisis kajian menunjukkan sebanyak 75 item pendedahan di bawah 8 kategori telah dipersetujui oleh pihak berkepentingan sebagai item pendedahan yang relevan untuk dilaporkan dalam pelaporan bersepadu BBP. Daripada jumlah tersebut, 5 item tambahan telah dicadangkan oleh pihak berkepentingan dalaman dan pihak berkepentingan luaran sebagai item yang perlu didedahkan dalam laporan bersepadu BBP. Maklumat tersebut adalah 'Kes Perundangan', 'Perincian Mengenai Aspek Kelestarian', 'Penerimaan/Penggunaan Geran Kerajaan', 'Penerimaan/Penggunaan Pinjaman' dan 'Isu Semasa'.

Cadangan item Elemen Kandungan berdasarkan keperluan pelbagai pihak berkepentingan berupaya memanfaatkan penggubal polisi serta pihak berautoriti untuk bertindak secara proaktif dalam penyediaan laporan bersepadu. Kajian ini bagaimanapun hanya melibatkan BBP kerana setakat ini BBP merupakan satu-satunya entiti awam di Malaysia yang tertakluk kepada penyediaan pelaporan kewangan dan bukan kewangan. Pelaksanaan kajian pada masa akan datang wajar diperluaskan kepada konteks entiti awam lain serta negara membangun yang lain bagi memperkukuh bukti empirikal terhadap pelaporan bersepadu sektor awam.

RUJUKAN

- Abu Bakar, N.B. & Saleh, Z. 2016. Extent of disclosure in the annual reports of Malaysian Federal Statutory Bodies. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7(2): 158–169.
- Altman D.G, B.J. 2005. Standard deviations and standard errors. *BMJ* 331.
- Badan, A. & Akaun, B. *Akta Badan Berkanun (Akaun dan laporan Tahunan) 1980*.
- CIMA. 2019. Integrated reporting. *CSR and Sustainability*: 431–443.
- Daily, T.E.F. 2017. Accountability still lacking in M'sia despite progress. The Edge Markets. *The Edge Financia Daily*.
- Donaldson & Preston, L.E., Donaldson, T. & Preston, L.E. 1995. The stakeholder theory of corporation: concepts, evidence and implication. *Academy of Management Review* 20(1): 65–91.
- Farneti, F., Casonato, F., Montecalvo, M. & de Villiers, C. 2019. The influence of integrated reporting and stakeholder information needs on the disclosure of social information in a state-owned enterprise. *Meditari Accountancy Research* 27(4): 556-579.
- Francesca, M.-R. 2018. Is integrated reporting a new challenge for public sector entities? *African Journal of Business Management* 12(7): 172–187.
- Freeman, R. 1984. *Strategic Management: A Stakeholder Approach*. Boston, MA: Pitman.
- Freeman, R.E., Harrison, J.S., Wicks, A.C., Purnell, L., Bidhan, L., Edward, R., Jeffrey, S., et al. 2010. The academy of management annals stakeholder theory : *The State of the Art Management* (936836193): 403–445.
- Guthrie, J., Manes-Rossi, F. & Orelli, R.L. 2017. Integrated reporting and integrated thinking in Italian public sector organisations. *Meditari Accountancy Research* 25(4): 553–573.
- Hasnas, J. 1998. The normative theories of business ethics : a guide for the perplexed author (s). *Business Ethics Quarterly* 8(1): 19–42
- Hassan, A., Adhikariparajuli, M., Fletcher, M. & Elamer, A. 2019. Integrated reporting in UK higher education institutions. *Sustainability Accounting, Management and Policy Journal* 10(5): 844-876.
- Hooks, J., Tooley, S. & Basnan, N. 2012. An index of best practice performance reporting for Malaysian local authorities. *Journal of Applied Accounting Research* 13(3): 270–283.
- IIRC. 2013. The international integrated reporting framework. *The International Integrated Reporting Framework*.
- International Integrated Reporting Council. 2021. < IR > FRAMEWORK About the IIRC. Available at <https://integratedreporting.org>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2018. Siaran Akhbar Pendapatan Dalam Negara Kasar Malaysia 2017 (July): 7–10. Available at <https://www.dosm.gov.my>
- Karatzimas, S.C. 2015. Tracing the future of reporting in the public sector: Introducing integrated popular reporting. *International Journal of Public Sector Management* (Unit 07): 1-5.
- Katsikas, E., Manes Rossi, F. & Orelli, R.L. 2017. Towards integrated reporting: Accounting change in the public sector. *Discussion Paper Integrated Reporting* Vol. 1. Available at www.theiirc.org
- Krueger, R.A. & Casey, M.A. 2000. *Focus Groups: A Practical Guide for Applied Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Lapsley, I. 1992. User needs and financial reporting? A Comparative Study of Local Authorities and the National Health Service. *Financial Accountability and Management* 8(4): 281–298.
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). 2019. *Kertas Perintah 6 Tahun 2019*. Available at <http://www.felda.net.my>
- Lincoln, Y. & Guba, E. 1985. RWJF - qualitative research guidelines project | Lincoln & Guba | Lincoln and Guba's Evaluative Criteria. *Robert Wood Johnson Foundation*.
- LTH. 2019. *Taklimat Isu Lembaga Tabung Haji*. Available at <http://www.tabunghaji.gov.my/>
- Manes-Rossi, F., Nicolò, G., Tiron Tudor, A. & Zanellato, G. 2020. Drivers of integrated reporting by state-owned enterprises in Europe: a longitudinal analysis. *Meditari Accountancy Research* 29(3): 586-616
- Marc-Adelard Tremblay. 1957. The key informant technique: A nonethnographic application (Leighton). *American Anthropologist New Series* 59(4): 688-701688–701.
- Mauro, S.G., Cinquini, L., Simonini, E. & Tenucci, A. 2020. Moving from social and sustainability reporting to integrated reporting: Exploring the potential of Italian public-funded universities' reports. *Sustainability (Switzerland)* 12(8): 3172.
- Mohd Fairuz Md. Salleh, Norida Basnan, Azlina Ahmad, Azizah Harun, Muhammad Arzim Naim & Hairunnizam Wahid. 2016. Cadangan item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* (6): 23–44.
- Mohd Zairul. 2020. A thematic review on student-centred learning in the studio education. *Journal of Critical Reviews* 7(2): 504–511.

- Mona Othman, Norida Basnan, Azlina Ahmad, M.F.M.S. 2022. The integrated reporting framework across public administration: a thematic review. *Journal of Nusantara Studies* 7(1): 410–440.
- Mondal, H., Mondal, S., Ghosal, T. & Mondal, S. 2019. Using google forms for medical survey: a technical note. *International Journal of Clinical and Experimental Physiology* 5(4): 216–218.
- Montecalvo, M., Farneti, F. & de Villiers, C. 2018. The potential of integrated reporting to enhance sustainability reporting in the public sector. *Public Money and Management* 38(5): 365–374.
- Morgan, D.L. 1996. Focus groups. *Annual Review of Sociology* 22: 129–152.
- Negara, K.S. 2007. Usaha bagi mempertingkatkan tadbir urus dalam sektor awam. *Surat Arahan KSN*
- Nicolo, G., Zanellato, G., Manes-Rossi, F. & Tiron-Tudor, A. 2020. Corporate reporting metamorphosis: empirical findings from state-owned enterprises. *Public Money and Management* 0(0): 1–10.
- Nistor, C.S., Stefanescu, C.A., Oprisor, T. & Crisan, A.R. 2019. Approaching public sector transparency through an integrated reporting benchmark. *Journal of Financial Reporting and Accounting* 17(2): 249–270.
- Norida Basnan. 2010. *An investigation into the performance reporting practices and accountability of Malaysian local authorities*. Unpublished PhD. thesis, Massey University, Wellington, New Zealand.
- Nur Barizah, Z. 2013. *Disclosure of Accountability Information in Public Sector Annual Report: the case of Malaysian Federal Statutory Bodies*. Unpublished PhD. thesis, University of Malaya.
- Olusegun Wallace, R.S., Naser, K. & Mora, A. 1994. The relationship between the comprehensiveness of corporate annual reports and firm characteristics in Spain. *Accounting and Business Research* 25(97): 41–53.
- Oprisor, T., Tiron-Tudor, A. & Nistor, C.S. 2016. The integrated reporting system: A new accountability enhancement tool for public sector entities. *Audit Financiar* 14(139): 747.
- Othman & Basnan. 2021. Assessing the trend of the research on integrated reporting: A bibliometric review. *Journal of Management Information and Decision Sciences* 24(1): 1–18.
- Patton, M.Q. 2015. *Qualitative Research & Evaluation Methods*. SAGE Publications.
- Perbendaharaan Malaysia Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan 2021.
- Picciaia, L.B. & F. & Luca Bartocci, F.P. 2013. Towards integrated reporting in the public sector. *Review of Key Principles, Concepts and Elements for Integrated Reporting*.
- Ryan, C., Stanley, T. & Nelson, M. 2002. Accountability disclosures by Queensland local government councils: 1997–1999. *Financial Accountability & Management* 18(3): 261–289.
- Silvestri, S.V.A. 2015. The Free State University integrated reporting: a critical consideration. *Journal of Intellectual Capital* 16(2): 443–462.
- Ștefănescu, Tudor Oprisor, M.A.S. 2016. An original assessment tool for transparency in the public sector based on the integrated reporting approach. *Journal of Accounting and Management Information Systems* 15(3): 542–564.
- Subroto, M. 2015. *Memperkasakan akauntabiliti kerajaan persekutuan melalui pelaporan dan perundangan*. Unpublished thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Taylor, J. 2006. Statutory bodies and performance reporting: Hong Kong and Singapore experience. *Public Organization Review* 6(3): 289–304.
- Teruki, N.A. 2021. Reasons for accounting disclosure in Malaysian Local Authorities. *International Journal of Business and Economy* 2(4): 64–78
- Torrentira, M.C. , J. 2020. Online data collection as adaptation in conducting quantitative and qualitative research during the Covid-19 pandemic. *European Journal of Education Studies* 7(11): 78–87.
- Tooley, S., Hooks, J. & Basnan, N. 2010. Performance Reporting by Malaysian Local Authorities: Identifying stakeholder needs. *Financial Accountability & Management* 26(2): 103–133.
- Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. 2021. *Rancangan Malaysia Kedua Belas: 2021-2025*.
- Mona Othman (Penulis koresponden)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi Selangor, MALAYSIA
E-Mel: p100848@siswa.ukm.edu.my
- Azlina Ahmad
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi Selangor, MALAYSIA
E-Mel: azlina@ukm.edu.my
- Norida Basnan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi Selangor, MALAYSIA
E-Mel: norida@ukm.edu.my
- Mohd Fairuz Md Salleh
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi Selangor, MALAYSIA
E-Mail: fairuz@ukm.edu.my

LAMPIRAN A

Item	Nilai Purata (N= 21)	Nilai Purata Pihak Berkepentingan Dalaman (n=10)	Nilai Purata Pihak Berkepentingan Luaran (n=11)	Mann-Whitney U	
				Z	Asymp. Sig. (2-tailed)
Organisasi/Persekitaran Luaran	3.66	3.67	3.64	-0.86	0.45
Tujuan/Misi	3.95	3.90	4.00	-1.049	0.294
Visi	3.90	3.90	3.91	-0.069	0.945
Nilai/Budaya	3.43	3.60	3.27	-1.477	0.140
Aktiviti Utama/ Struktur Operasi	3.95	3.90	4.00	-1.049	0.294
Mesej Pengerusi	3.57	3.70	3.45	-1.321	0.186
Penyataan Ketua Pegawai Eksekutif	3.52	3.60	3.45	-0.848	0.396
Senarai Peraturan/Polisi/SOP	3.38	3.30	3.45	-0.633	0.526
Tahap kepentingan Senarai	3.67	3.60	3.73	-0.268	0.789
Pengurusan/Struktur Organisasi					
Kawalan Kewangan (Fungsi Kewangan)	3.76	3.90	3.64	-1.383	0.167
Sistem Maklumat	3.52	3.60	3.45	0.000	1.000
Penglibatan Pihak Berkepentingan	3.57	3.40	3.73	-1.355	0.175
Model Operasi	3.42	3.28	3.56	-1.04	0.38
Maklumat Input/modal yang material	3.38	3.10	3.64	-1.069	0.285
Kaitan modal/input dengan keupayaan organisasi menjana nilai	3.43	3.20	3.64	-1.070	0.285
Aktiviti Entiti: Mekanisma pembezaan dengan entiti lain (ciri unik)	3.14	3.10	3.18	0.000	1.000
Pendekatan model operasi bagi janaan hasil	3.19	3.00	3.36	-1.090	0.276
Pendekatan inovasi	3.24	3.30	3.18	-0.347	0.729
Pendekatan adaptasi terhadap perubahan	3.48	3.40	3.55	-0.798	0.425
Output Utama	3.67	3.40	3.91	-2.412	0.016
Keberhasilan Dalaman (moral pekerja; reputasi organisasi; aliran tunai)	3.57	3.40	3.73	-1.477	0.140
Keberhasilan Luaran (kepuasan pelanggan; kesetiaan jenama; kesan sosial/ persekitaran)	3.71	3.60	3.82	-1.079	0.281
Risiko/Peluang	3.63	3.54	3.70	-0.79	0.48
Senarai Risiko Utama	3.57	3.40	3.73	-1.156	0.248
Risiko Kewangan	3.71	3.70	3.73	-0.135	0.893
Risiko Persekitaran	3.57	3.40	3.73	-1.477	0.140
Risiko Sosial	3.43	3.40	3.45	-0.246	0.806
Risiko Tadbir Urus	3.67	3.70	3.64	-0.302	0.763
Penilaian Risiko (Mengikut Jangka masa)	3.62	3.50	3.73	-1.045	0.296
Kawalan Risiko	3.81	3.70	3.91	-1.189	0.234
Strategi Agihan Sumber	3.48	3.27	3.67	-1.15	0.34
Objektif Strategik (Mengikut Jangka masa) dan Ukurannya	3.62	3.30	3.91	-2.086	0.037
Perancangan Agihan Sumber	3.43	3.30	3.55	-0.590	0.555

Item	Nilai Purata (N= 21)	Nilai Purata Pihak Berkepentingan Dalaman (n=10)	Nilai Purata Pihak Berkepentingan Luaran (n=11)	Mann-Whitney U	
				Z	Asymp. Sig. (2-tailed)
Hubungan Objektif Strategik vs Aghihan Sumber	3.38	3.20	3.55	-0.778	0.436
Jangkaan Hadapan	3.34	3.16	3.50	-0.89	0.40
Senarai Prospek Organisasi terhadap cabaran/perubahan	3.43	3.20	3.64	-1.337	0.181
Prospek Ekonomi	3.43	3.20	3.64	-1.197	0.231
Prospek Sosial	3.33	3.20	3.45	-0.702	0.482
Prospek Perundangan	3.38	3.20	3.55	-0.778	0.436
Prospek Teknologi	3.57	3.50	3.64	-0.615	0.538
Prospek Persekitaran	3.29	3.10	3.45	-0.921	0.357
Implikasi Kerjasama Strategik	3.38	3.30	3.45	-0.197	0.843
Implikasi Teknologi	3.29	3.00	3.55	-1.062	0.288
Implikasi Kompetensi	3.24	2.90	3.55	-1.423	0.155
Implikasi Mandat	3.00	3.00	3.00	-0.372	0.710
Implikasi Kemapanan Kewangan; Kaitan dengan persekitaran luaran dan penggunaan modal/sumber bagi penciptaan nilai	3.38	3.20	3.55	-0.869	0.385
Implikasi Persekitaran	3.33	3.10	3.55	-1.194	0.232
Tadbir Urus	3.28	3.11	3.43	-0.89	0.43
Struktur Tadbir Urus	3.76	3.60	3.91	-1.236	0.217
Maklumat Umum ALP /Kelayakan	3.38	3.30	3.45	-0.273	0.785
Jawatan ALP	3.33	3.40	3.27	-1.117	0.264
Jumlah Mesyuarat	3.00	2.90	3.09	-0.265	0.791
Status ALP	3.10	3.00	3.18	-0.464	0.642
Proses Tadbir Urus	3.48	3.10	3.82	-1.416	0.157
Praktis Tadbir Urus Mengatasi Perundangan	3.00	2.80	3.18	-0.500	0.617
Tadbir Urus Dan Inovasi	3.43	3.10	3.73	-1.677	0.094
Ganjaran/Insentif	3.05	2.80	3.27	-1.089	0.276
Prestasi	3.75	3.67	3.83	-0.64	0.62
Pencapaian Berbanding Indikator	3.38	3.10	3.64	-1.465	0.143
Kesan Modal	3.38	3.10	3.64	-1.336	0.181
Status Hubungan Pihak Berkepentingan	3.38	3.30	3.45	-0.389	0.697
Kaitan Pencapaian Lepas, Semasa dan Akan Datang	3.52	3.20	3.82	-1.982	0.048
Ringkasan Statistik Kewangan	3.81	3.80	3.82	-0.103	0.918
Laporan Juruaudit	3.95	3.90	4.00	-1.049	0.294
Penyataan ALP	3.57	3.40	3.73	-1.355	0.175
Perakuan Statutori	3.76	3.90	3.64	-0.579	0.563
Penyata Kedudukan Kewangan	4.00	4.00	4.00	0.000	1.000
Penyata Untung Rugi dan Pendapatan Komprehensif	4.00	4.00	4.00	0.000	1.000
Penyata Perubahan Dana Terkumpul	4.00	4.00	4.00	0.000	1.000
Penyata Aliran Tunai	4.00	4.00	4.00	0.000	1.000
Nota kepada Penyata Kewangan	4.00	4.00	4.00	0.000	1.000
Asas Penyediaan/Persembahan	3.47	3.42	3.52	-0.78	0.51
Proses Penetapan Materialiti	3.33	3.30	3.36	-0.407	0.684
Batasan Pelaporan	3.33	3.40	3.27	-0.858	0.391

Item	Nilai Purata (N= 21)	Nilai Purata Pihak Berkepentingan Dalam (n=10)	Nilai Purata Pihak Berkepentingan Luaran (n=11)	<i>Mann-Whitney U</i>	
				Z	<i>Asymp. Sig. (2-tailed)</i>
Kaedah Ukuran dan Penilaian Perkara Material	3.33	3.20	3.45	-0.236	0.813
Pendedahan Perkara Material	3.76	3.90	3.64	-1.383	0.167
Pendedahan Modal	3.57	3.50	3.64	-0.128	0.898
Ketetapan Jangka masa Pendek, Sederhana, Panjang	3.48	3.20	3.73	-1.677	0.093

